



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING ICT

BIL.02/2017

DASAR KESELAMATAN ICT UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)

1.0 TUJUAN

Tujuan dasar ini dikeluarkan adalah untuk memaklumkan peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi oleh semua staf atau pihak ketiga, untuk menggunakan kemudahan yang diberikan secara berhemah dan menjaga keselamatan aset ICT dari segi perkakasan, perisian dan maklumat. Dasar dan prosedur yang disediakan adalah selaras dengan piawaian yang digunakan.

2.0 LATAR BELAKANG

Dasar Keselamatan ICT (DICT) Universiti Teknologi MARA merupakan sebuah dokumen yang menggariskan peraturan penggunaan aset dan kemudahan ICT UiTM dengan cara yang betul. Ia mesti dibaca dan dipatuhi oleh setiap staf bagi penggunaan kemudahan ICT universiti. Dasar Keselamatan ICT ini menjadi asas tadbir urus ICT UiTM bagi memastikan penggunaan ICT yang cekap dan berkesan dengan pelaburan yang optimum. Dokumen Dasar Keselamatan ICT akan dikeluarkan seiring dengan pekeliling ini.

3.0 OBJEKTIF

Objektif Dasar Keselamatan ICT adalah seperti berikut:

- 3.1 Memastikan kelancaran operasi Universiti khasnya, berterusan, meminimumkan kerosakan atau kemusnahan melalui usaha

- pencegahan atau usaha mengurangkan kesan insiden yang tidak diingini;
- 3.2 melindungi kepentingan staf dan sistem aplikasi daripada menghadapi kegagalan dan/atau kelemahan kerahsiaan, integriti, kebolehsediaan, kesahihan maklumat dan komunikasi;
 - 3.3 memastikan aset ICT terlindung daripada ancaman pencerobohan/penggodaman, kecurian data, serangan *malware* dan penafian perkhidmatan; dan
 - 3.4 mencegah kes-kes penyalahgunaan serta kehilangan aset ICT Universiti.

4.0 SKOP

Dasar ini meliputi semua aset dan kemudahan ICT yang digunakan seperti maklumat (contoh: fail, dokumen, data elektronik), perisian (contoh: sistem aplikasi, perisian *desktop* dan perisian kolaborasi) dan fizikal (contoh: Pusat Data, PC, server, peralatan komunikasi, media storan dan lain-lain). Prinsip ini adalah terpakai oleh semua staf sebagai perkakasan ICT Universiti termasuk pihak ketiga.

5.0 TARIKH DIKELUARKAN

Pekeliling ini dikeluarkan pada 15 Mac 2017.

6.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa serta merta pada tarikh dikeluarkan.

7.0 PEMAKAIAN

Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua staf Universiti Teknologi MARA.

Yang benar



PROF. IR. DR. HAJI ABDUL RAHMAN OMAR, JSM

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Dikelilingkan Kepada :

Semua Timbalan Naib Canselor

Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit

Semua Dekan-Dekan Fakulti

Semua Rektor-Rektor UiTM Cawangan dan Kampus

Bil Fail : 100-CSPI (PT.6/7/2)

Tarikh : 15 Mac 2017